

TARIKH: 4/5/2023
SURAT KHABAR: SINAR HARIAN
MUKA SURAT: 21

Tingkatkan gaji minimum imbangi pendapatan dengan kos sara hidup

KUALA LUMPUR - Kadar gaji minimum di negara ini perlu ditingkatkan bagi mengimbangi antara pendapatan rakyat dengan kos sara hidup yang tinggi ketika ini, kata Pensyarah Kanan Politik Ekonomi Universiti Teknologi Mara (UiTM) Sabah, Profesor Madya Dr Firdausi Suffian.

Katanya, kadar gaji minimum itu juga perlu ditingkatkan mengikut perkembangan ekonomi negara kerana pendekatan itu boleh merancakkan aktiviti ekonomi sekali gus menyumbang kepada usaha menurunkan kadar kemiskinan.

"Ini penting sekiranya gaji masih sama, saya khuatir kelompok M40 mahupun B40 akan tercicir dalam men-

dapatkan akses, kehidupan yang baik," katanya ketika dihubungi *Bernama TV* secara dalam talian di sini pada Rabu.

Mengenai iltizam kerajaan menoktahkan kadar kemiskinan tegar dalam negara pada tahun ini, Firdausi yang juga Timbalan Rektor Bahagian Hal Ehwal Akademik UiTM Cawangan Sabah berkata, beliau bersetuju dengan inisiatif kerajaan menentralisasikan beberapa negeri yang perlu diberi fokus.

Katanya, Sabah yang mempunyai kadar kemiskinan tertinggi iaitu 25 peratus perlu diberi fokus dan memerlukan intervensi kerajaan bagi mengecilkkan jurang pendapatan antara rakyat di negeri itu dengan penduduk di Semenanjung.

Menurut Firdausi, nisbah jurang pendapatan antara rakyat Negeri di Bawah Bayu itu dengan Semenanjung semakin ketara dengan pertumbuhan gaji yang perlahan menyebabkan ribuan golongan muda Sabah berhijrah ke Semenanjung mencari pekerjaan.

"Kalau kita lihat secara nisbah, 1:4 orang Sabah itu miskin dan menjadikan peratusan pekerjaan tidak begitu berkembang seperti negeri-negeri lain.

"Kerana itu Sabah masih mempunyai fenomena *underemployment* iaitu graduan yang mempunyai ijazah sarjana pun sanggup bekerja sebagai kerani kerana mahu mendapat kerja di Semenanjung," jelasnya.

Menyentuh mengenai isu kemiskinan tegar di negara ini, beliau yang juga Pakar Panel-panel Kementerian Belia dan Sukan berkata, akses golongan itu terhadap kemudahan kesihatan, makanan seimbang dan untuk memiliki rumah sendiri juga harus diberikan perhatian.

Katanya, akses keperluan asas itu turut perlu dijadikan panduan dalam penilaian dan menentukan taraf sosioekonomi rakyat dan bukan berdasarkan pendapatan semata-mata.



Kadar gaji minimum di negara ini perlu ditingkatkan bagi mengimbangi antara pendapatan rakyat dengan kos sara hidup yang tinggi ketika ini.

Sinar harian / khamis / 4 Mei 2023 / Nasional / ms 21